

TARIKH: 26/6/23  
SURAT KHABAR: Berita Harian  
MUKA SURAT: 4

ms4  
Isnin, 26 Jun 2023 BH

# Malaysia tidak kompromi atasi isu buruh paksa

## KSM komited pergiat aktiviti penguatkuasaan tingkat kualiti hidup pekerja

Oleh Ercy Gracella Ajos  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan bagi memerangi pelbagai isu perburuhan, termasuk buruh paksa.

Menterinya, V Sivakumar, berkata pihaknya tidak akan sesekali berkompromi terhadap apa juga alasan berkaitan sebarang aduan, mahupun makluman yang menjerus ke arah buruh paksa.

Beliau berkata, berdasarkan peruntukan undang-undang, KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) akan melakukan sebanyak mungkin pemeriksaan, sama ada secara bersepadu mahupun berperingkat.

"Kita juga akan bertindak terhadap sebarang aduan jika wujudnya elemen buruh paksa walaupun hanya satu daripada 11 indikator buruh paksa yang digariskan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

"Saya juga menekankan dalam menyediakan penginapan standard untuk pekerja. Dalam hal

ini, Malaysia sudah meminda Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 yang bertujuan untuk memaksa majikan menyediakan standard minimum perumahan dan kemudahan, sekali gus meningkatkan kualiti hidup pekerja," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Sivakumar berkata, dalam menangani ketidaksamaan dan menyediakan perlindungan sosial yang inklusif kepada semua, Malaysia sudah melanjutkan perlindungan keselamatan sosial bagi skim kecederaan pekerjaan kepada pekerja asing berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019.

Katanya, langkah ini sejajar dengan prinsip teras Agenda Kerja Baik ILO.

### Selaras konvensyen ILO

Tambah beliau, usaha dalam memerangi isu buruh paksa ini juga akan terus dikuat kuasa sebagai bukti kukuh selaras dengan komitmen negara yang telah meratifikasi konvensyen ILO berhubung buruh paksa iaitu C029 -

Forced Labour Convention, 1930 (No.29) pada 11 November 1957 dan Protocol of 2014 to the Forced Labour Convention, 1930 (P029) yang diratifikasi pada 21 Mac 2022.

Dalam pada itu, Sivakumar berkata, dalam ucapan pada Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) Ke-111 baru-baru ini, beliau menekankan komitmen Malaysia dalam usaha memerangi isu buruh paksa, antaranya pindaan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) yang telah mewujudkan peruntukan baharu iaitu Seksyen 90B berhubung buruh paksa.

"Di samping itu, Malaysia juga melancarkan Pelan Tindakan Nasional (2021-2025) berhubung buruh paksa pada November 2021," katanya.

Katanya, sebagai komitmen berterusan negara, Malaysia juga dalam proses untuk menyertai Alliance 8.7 sebagai antara negara 'Pathfinder' yang menyokong Sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 8.7 yang bertujuan mempercepatkan penghapusan buruh paksa, perhambaan moden menjelang 2030 dan buruh kanak-kanak menjelang 2025.

“Kita juga akan bertindak terhadap sebarang aduan jika wujudnya elemen buruh paksa walau hanya satu daripada 11 indikator buruh paksa yang digariskan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)”

V Sivakumar,  
Menteri Sumber Manusia



Malaysia telah melanjutkan perlindungan keselamatan sosial bagi skim kecederaan pekerjaan kepada pekerja asing berkuat kuasa 1 Januari 2019. (Foto hiasan)